

KOMUNISME

Definisi Lengkap

Komunisme adalah sebuah ideologi yang disampaikan oleh Karl Marx dan Fredrich Engels dalam Manifesto Partai Komunis pada tahun 1848. Komunisme atau Marxisme merupakan asas ideologi politik dan struktur sosio ekonomi yang berfokus kepada penciptaan masyarakat tanpa kelas, penghapusan hak milik harta persendirian dan mempromosikan hak milik bersama yang dikawal oleh negara.

Ideologi komunisme didirikan atas keyakinan bahawa masyarakat dapat mencapai kesetaraan dengan kehilangan pemilikan peribadi atas alat-alat pengeluaran. Pada prinsipnya, segala sesuatu dilambangkan sebagai milik rakyat dan semua kaedah pengeluaran mesti dikendalikan oleh negara untuk kesejahteraan rakyat secara adil. Penindasan dilakukan secara bebas di mana keputusan tentang pengeluaran dan dasar dibuat secara demokratik bermakna membenarkan setiap ahli masyarakat mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan dari segi ekonomi, politik dan sosial.

Kepercayaan komunisme yang dinyatakan oleh Karl Marx adalah berpusat pada fikiran bahawa ketidaksetaraan dan penderitaan yang berpunca daripada kapitalisme. Oleh itu, kelas pekerja atau "proletariat" harus


berbangkit untuk melawan pemilik kapitalis, atau "borjuasi" yang mengeksploitasikan hak asasi mereka.

Komunisme juga tidak percaya akan kewujudan Tuhan dan agama kerana mereka menganggap kepercayaan ini mengongkong fikiran masyarakat. Terdapat beberapa fahaman dominan komunisme seperti Leninisme, Stalinisme, Maoisme dan Trotskyisme yang berakar dari Marxisme.

Elemen-elemen Terkandung

 Pendidikan di bawah Kawalan Kerajaan	 Kewujudan Bank Pusat	 Penghapusan Hakmilik Persendirian	 Penghapusan Hak Harta Pusaka
 Cukai Pendapatan Progresif yang Berat	 Kilang dan Kawasan Pertanian dimiliki Kerajaan	 Perampasan Hakmilik Permilikan Harta	
 Golongan Pekerja Dikawal Kerajaan	 Perancangan Serantau dan Perladangan yang Dikorporatkan	 Sistem Komunikasi dan Pengangkutan Milik Penuh Kerajaan	

Negara yang Mengant Komunisme



Kelebihan

- Lebih mudah dalam mengendalikan pengangguran
- Semua orang akan dianggap sama sehingga tidak ada yang merasa lebih tinggi atau lebih rendah.

Kekurangan

- Monopoli yang dilakukan oleh pihak pemerintah tentunya akan sangat merugikan masyarakat
- Hak Asasi Manusia (HAM) tidak lagi dihargai dan masyarakat banyak yang tertindas
- Tidak adanya kepercayaan terhadap Tuhan yang merupakan salah satu harapan pembawa komunisme pertama kali iaitu Karl Marx
- Masyarakat sama sekali tidak memiliki kebebasan secara individu karena segala hal yang dilakukan dikawal penuh oleh pihak pemerintah
- Menjatuhkan motivasi atau semangat seseorang individu untuk mempunyai peribadi yang lebih baik kerana tidak boleh memiliki hasil usaha sendiri.
- Usaha seseorang individu tidak akan dihargai kerana sekuat mana usaha seseorang itu akhirnya kedudukannya tetap akan sama dengan orang lain

Pendapatan kami: TIDAK SETUJU

Antara sebab kami tidak bersetuju dengan komunisme:

1. Ideologi komunisme tidak percaya Tuhan.

Teori tentang komunisme ini bertentangan dengan kepercayaan agama lain seperti pandangan mereka yang menolak adanya Tuhan lebih-lebih lagi agama Islam yang lengkap pengajarannya dari seluruh aspek kehidupan manusia yang melibatkan ekonomi, politik dan sebagainya. Tambahan, ia juga membunuh dan mencemar akidah secara ekstrem menyebabkan Islam sebagai musuh ketat parti komunis. Ini menyebabkan ramai penduduk beragama tidak menyokong komunis. Kerajaan komunis juga sering menindas mereka yang berpegang kepada agama. Kita juga membaca bagaimana tanah air umat Islam yang dijajah oleh komunis itu menerima akibat yang lebih dahsyat daripada penjajah Barat, di mana kesannya masih nyata pada hari ini. Walaupun ideologi komunis telah dikuburkan oleh penganutnya sendiri.


2. Ideologi ini tidak memberi kebebasan kepada rakyat.

Komunisme ini menginginkan semua aset yang dimiliki oleh negara adalah digunakan untuk kemakmuran rakyat secara merata dimana tidak ada kelas sosial, tidak ada hak peribadi, dan tidak ada sektor swasta. Rakyat harus berdiri sama rata. Secara sederhana, ketika sebuah negara menganut paham komunisme, maka semua aset yang ada dalam negara tersebut, seperti tanah, perusahaan, tidak bisa dimiliki secara peribadi, semuanya adalah milik negara dan keuntungan dan kerugian dibagi rata pada rakyatnya. Hal ini, kegiatan ekonomi semua dikuasai oleh negara dan ideologi ini tidak memberikan kebebasan kepada rakyat dan tidak berlaku adil dalam industri. Rakyat hanya dapat memiliki kegiatan ekonomi dalam skala kecil dan ada yang tidak berpuas dengan ideologi ini untuk kebebasan dalam kehidupan. Ideologi ini akan menghapus hak-hak milik perseorangan dan menggantikannya dengan hak milik bersama yang dikawal oleh negara.

3. Ideologi komunisme ini menggunakan sistem satu parti.

Seperti di negara Republik Rakyat China, kita dapat melihat adanya sebuah parti penguasa yang sangat besar, iaitu Parti Komunis China. Penggunaan sistem satu parti ini menghilangkan asas-asas pemilihan umum yang kita kenal pada umumnya seperti di Malaysia iaitu Pilihan Raya Umum untuk memilih pemerintah seterusnya yang akan mentadbir negara. Tetapi, fahaman ini hanya akan memilih presiden yang dicalonkan oleh parti komunis. Hal ini, menjadikan fungsi pemilihan hanya sebagai unsur formal dalam negara. Pentingnya mendapatkan pendapat dan undian rakyat dalam memilih perdana menteri seterusnya supaya keamanan negara terjamin kerana setiap orang mempunyai pendapat dan kepercayaan masing-masing. Tambahan, parti-parti yang ditubuhkan juga dapat membantu dalam menyelesaikan masalah negara berbanding dengan sistem satu parti.

Pelapor Komunisme




Karl Marx menganjurkan komunisme sebagai peringkat akhir dalam masyarakat manusia, yang boleh dicapai melalui revolusi golongan proletariat.

"Komunisme tulen" menurut Marx merujuk kepada masyarakat tanpa kelas, tanpa negara dan bebas penindasan di mana keputusan tentang pengeluaran dan dasar yang dibuat secara demokratik bermakna membenarkan setiap ahli masyarakat mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan dari segi ekonomi, politik dan sosial.

Beliau telah menulis buku Manifesto Komunis, asalnya bertajuk Manifesto Parti Komunis. Manifesto der Kommunistischen Partei (Bahasa Jerman) ialah penerbitan ringkas 1848 yang ditulis oleh ahli teori politik Marxisme Jerman, Karl Marx dan Friedrich Engels. Ia telah diiktiraf sebagai salah satu manuskrip politik yang paling berpengaruh di dunia.

Ditauliahkan oleh Liga Komunis, ia meletakkan tujuan dan program Liga terbabit. Ia membentangkan pendekatan analitikal kepada perjuangan kelas (sejarah dan masa kini) dan masalah-masalah kapitalisme, berbanding ramalan potensi bentuk masa depan komunisme.



Ahli Kumpulan:

1. Ainin Sofiya Binti Azizi	A20EC0009
2. Nurzarifah Binti Azizan	A20EC0127
3. Phang Cheng Yi	A20EC0131
4. Saidah Binti Saiful Bahari	A20EC0141
5. Tong Xin Ling	B20EC0054